

# Umat Islam mesti buktikan dinamik

17 OCT 1993

## — Mahathir

PETALING JAYA 16 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, umat Islam mesti membuktikan mereka adalah dinamik dan progresif jika mahu mengajak manusia menjadikan Islam satu haluan alternatif dalam kehidupan.

Menurut Perdana Menteri, umat Islam juga perlu berkebolehan memuaskan spiritual dan material manusia.

Katanya, menjadikan Islam hanya sebagai satu kerehatan daripada realiti dan perubahan nasib tidak mencukupi.

Kejayaan umat Islam, kata Dr. Mahathir, bergantung kepada kemampuan mereka menghadapi cabaran dan mewujudkan budaya Islam yang selaras dengan ajaran-ajaran agama itu.

Perdana Menteri berkata demikian dalam perutusan sempena Persidangan mengenai Globalisme dan Ummah Islam yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di sini hari ini.

Persidangan dua hari itu dirasmikan oleh Rektor UIA, Dr. Abdul Hamid Ahmad Abu Sulayman. UIA menganjurkan persidangan berkenaan dengan kerjasama Yayasan UMMI.

Dr. Mahathir berkata, dunia sedang mengalami perubahan yang pesat, dan dalam konteks ini, umat Islam perlu bersedia untuk menghadapi cabaran era globalisasi.